

Kaji semula kerjasama ekonomi Asean

BM 1 DEC 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Asean perlu melihat semula strategi dan keutamaan kerjasama ekonominya untuk menghadapi kemelesetan ekonomi ketika ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, dengan kedudukan kemelesetan yang berpanjangan serta gangguan sistem kewangan dan dagangan antarabangsa, adalah jelas negara-negara Asean perlu membabitkan diri secara menyeluruh dalam kerjasama ekonomi.

Salah satu bidang yang boleh dimajukan melalui kerjasama itu ialah dengan mewujudkan industri barangan pelengkap. Ia mempunyai skop yang luas dan boleh disertai oleh semua anggota Asean, katanya.

"Di samping itu, beberapa bentuk kerjasama dalam pengeluaran dan pemasaran komoditi utama boleh dijalankan. Kegagalan untuk berkerjasama akan menyebabkan 'peluh yang kita keluarkan akan dinikmati oleh negara-negara kaya'," katanya ketika merasmikan Persidangan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Asean hari ini.

Perdana Menteri berkata adalah jelas negara-negara Asean tidak boleh 'melengkapkan diri' antara satu sama lain dalam perlombongan timah, getah dan penanaman kelapa sawit.

"Tetapi dalam industri, kita mempunyai skop yang luas untuk saling melengkapi. Bukan saja kita boleh memperuntukkan satu-satu industri kepada negara Asean tertentu, tetapi kita boleh juga membahagi-bahagikan pelbagai komponen dalam industri itu," katanya.

Sambil memberi contoh dalam industri membuat kereta, beliau berkata komponen itu boleh dikeluarkan oleh enam buah negara untuk dipasarkan di rantau Asean.

"Pemasangan boleh dijalankan di negara di mana kereta itu dipasarkan. Bila pasaran berkembang hasil dari perindustrian, setiap negara boleh membuat semua komponen mereka sendiri.

"Bagi negara-negara yang terlalu kecil untuk mengadakan industri kereta, mereka boleh terus membuat komponen itu. Ini yang dilakukan oleh kebanyakan syarikat pengeluar kereta utama," katanya.

Perdana Menteri berkata kemajuan teknologi telah menyebabkan setiap komoditi terdedah kepada saingan pelbagai barang-barang tiruan dan bahan mentah lain.

Katanya, untuk menjual komoditi itu, bahan itu jangan dikeluarkan secara berlebihan dan dijual pada harga yang berpatutan.

"Dengan kegagalan perjanjian komoditi antarabangsa, faktor bekalan dan harga menjadi lebih penting. Tanpa kerjasama dan persefahaman daripada pengeluar komoditi utama, kita akan mengalami kerugian.

"Kita akan dipaksa untuk menjual dengan banyak dan membeli sejumlah kecil barangan modal dan pembuatan yang kita perlu," katanya.

Datuk Seri Mahathir berkata tujuan kerjasama bukan untuk membentuk cartel tetapi berdasarkan langkah untuk rancangan rasionalisasi, penyelidikan

dan galakan.

"Komoditi yang kita keluarkan mempunyai banyak ciri-ciri penting. Ciri-ciri itu telah dikenal pasti dan dimajukan oleh kebanyakan negara-negara perindustrian.

"Ini menyebabkan pembangunan dan penyelidikan mereka menjadi sangat maju sehingga mereka boleh mencari bahan gantian, bila mereka perlu berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata rangka kerja kerjasama ekonomi Asean boleh dijadikan asas untuk pembangunan selanjutnya.

"Bagaimanapun, Asean tidak perlu tekanan dramatik dan peringkat tertinggi ke arah itu. Apa yang perlu ialah pendekatan yang realistik dengan strategi yang kukuh untuk menubuhkan struktur ekonomi Asean yang kukuh.

"Dalam hal ini, kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta akan menjadi ekonomi Asean lebih kukuh dan bermakna," katanya.

Perdana Menteri juga menggesa supaya senarai barang-barang yang ada dalam Perjanjian Keutamaan Dagang (PTA) dikaji semula. Ini kerana, senarai yang ada sekarang lebih menguntungkan negara-negara bukan Asean, katanya.